

## Pembelian secara panik punca kekurangan topeng muka di Bintulu

2020-01-30T01:00:02+08:00



**PERIKSA:** Nazari (dua kanan) bersama anggota penguat kuasa KPDNHEP Bintulu memeriksa barang di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2020 di Bintulu.

**BINTULU:** Tindakan orang awam membuat pembelian panik terhadap topeng muka pembedahan atau perubatan dengan jumlah banyak sebagai langkah pencegahan awal wabak Koronavirus menyumbang kepada kekurangan topeng muka di sini.

Ketua Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Bintulu Nazari Hasan berkata orang awam dinasihati bertenang dan tidak membuat pembelian panik bagi mendapatkan topeng muka itu kerana ia penyumbang kepada kekurangan topeng itu di pasaran.

"Jangan membuat pembelian panik dan jangan percaya dengan khabar angin disebarluaskan di media sosial," katanya ketika ditanya mengenai kekurangan topeng muka di pasaran di sini.

Nazari berkata, bekalan pulih dalam masa dua atau tiga hari bergantung kepada pembekal namun dimaklumkan dua kedai di sini menambah bekalan topeng muka itu.

"Sejak Isnin lalu, penduduk di sini bergegas membeli topeng muka menyebabkan beberapa premis kehabisan," katanya sambil menambah, kementerian tidak menerima apa-apa aduan berhubung kenaikan harga topeng muka itu.

Lonjakan mendadak dan permintaan terhadap topeng muka di sini berlaku dipercayai disebabkan berita seorang warga China bekerja di sini sakit pada Ahad lalu selepas menjalankan urusan perniagaan di Wuhan, China.

Wanita terbabit dikatakan mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan swasta tetapi dirujuk ke Hospital Bintulu.

Begitupun, Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas pada sidang media di Kuching semalam mendedahkan bahawa keputusan terkini kes di Bintulu adalah negatif.

Nazari turut memaklumkan mengenai penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2020 dilaksanakan di sini sebagai langkah menyekat kenaikan harga barang keperluan menjelang perayaan bermula 20 Januari hingga 2 Februari depan.

